

## Tahap Motivasi Pelajar Kolej Vokasional dalam Melaksanakan Kerja-Kerja Kemahiran Teknikal

Muhamad Azmi Makhtar  
Email: muhamadazmimakhtar@gmail.com

Mohd Nur Hafiz Fauzi  
Email: pnurhafiz@gmail.com

Azman Hasan  
Email: azmanh@uthm.edu.my

Hasyamuddin Othman  
Email: syamwau72@gmail.com

Mohd Jalil Ahmad  
Email: Mohdjalil1805@gmail.com

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,

### Abstrak

Motivasi merupakan elemen psikologi yang amat penting sebagai penggerak kepada seseorang individu untuk melakukan sesuatu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur tahap motivasi dan mengenalpasti perbezaan yang signifikan bagi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar Kolej Vokasional Kluang dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal. Seramai 148 orang pelajar Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 Semester 2 Kolej Vokasional Kluang yang mengambil jurusan teknikal merangkumi 7 kursus pengajian dipilih sebagai responden. Instrumen kajian menggunakan set borang soal selidik. Rekabentuk kajian adalah jenis kajian kes melalui pendekatan secara kuantitatif. Keputusan analisis menunjukkan motivasi intrinsik pada tahap yang tinggi, manakala motivasi ekstrinsik adalah pada tahap yang sederhana. Selain itu, keputusan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal mengikut jantina (intrinsik,  $\rho=0.97$ , ekstrinsik,  $\rho=0.23$ ) dan kursus pengajian (intrinsik,  $\rho=0.98$ , ekstrinsik,  $\rho=0.50$ ) yang mana ( $\rho > 0.05$ ). Motivasi intrinsik lebih berpengaruh berbanding motivasi ekstrinsik kerana pelajar lebih didorong oleh faktor dalaman berbanding faktor luaran sebagai penggerak untuk melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal.

**Kata kunci:** Motivasi, Kemahiran Teknikal, Kolej Vokasional

Motivation is a important psychological element for encourage individual to achieve their target. The aims of this study is to measure the level of motivation and identify significant differences of intrinsic and extrinsic motivation on the technical skills of *Kolej Vokasional Kluang* students. A total of 148 students from the Malaysian Skills Certificate (SKM) Level 1 (Semester 2) with 7 technical course has been selected as respondents. The research approach quantitative study with the questionnaire instrument. The results show the intrinsic motivation in higher level, while extrinsic motivation moderate level. In addition, the results show that there are no significant difference between intrinsic and extrinsic motivation in the technical skills by gender (intrinsic,  $\rho=0.97$ , extrinsic,  $\rho=0.23$ ) and course

(intrinsic,  $\rho=0.98$ , extrinsic,  $\rho=0.50$ ) where ( $\rho > 0.05$ ). In addition the Intrinsic motivation is more dominant than extrinsic motivation because students are more motivated by internal factors than external factors as the driving force in technical skills.

**Keywords:** Motivation, Technical Skills, Vocational College

## **1. Pengenalan**

Bidang kemahiran merupakan bidang yang penting terutamanya bagi negara-negara membangun untuk mempersiapkan diri menuju abad ke-21. Malaysia merupakan antara negara membangun di benua Asia Tenggara yang mana bergiat secara aktif dalam melahirkan tenaga mahir untuk menampung keperluan tenaga kerja negara. Oleh itu, kerajaan mengambil pendekatan yang sesuai untuk merealisasikan wawasan 2020 dengan penerapan sukatan pelajaran yang berkaitan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) terhadap generasi muda dibangku sekolah dan juga di institusi pengajian tinggi (IPT). Selain itu, kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam PTV perlu dilihat secara keseluruhan untuk meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja secara ketara memandangkan PTV bertujuan untuk menambah bekalan modal insan berkemahiran di Malaysia melalui penyediaan pendidikan berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang teknikal dan vokasional (RMK-10, 2010).

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), Malaysia tidak akan menjadi negara kompetitif dan terus ketinggalan sekiranya bidang PTV tidak mengalami perubahan besar dengan segera. Perubahan yang dimaksudkan adalah termasuk dalam meningkatkan bilangan graduan dalam bidang teknikal. Menurut Yahaya dan Ismail (2011), walaupun mereka yang berjaya mendapat tempat di SMT adalah merupakan pelajar yang terpilih berasaskan kelayakan, prestasi yang ditunjukkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidaklah menepati sesuatu yang membanggakan.

Pada masa ini pasaran kerja graduan bukan lagi hanya bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi kualiti sendiri seseorang individu itu sendiri boleh mempengaruhi kebolehpasaran mereka (Mat Yazid, 2010). Kajian Othman et.al (2011) mendapati bahawa, prestasi yang diharapkan oleh majikan berbanding prestasi kerja sebenar graduan mempunyai jurang yang begitu ketara. Hal ini boleh menyebabkan peningkatan longgokan penganggur dalam kalangan graduan siswazah dari masa ke semasa. Pada tahun 2009, 27% daripada siswazah institusi pengajian tinggi tempatan masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian, manakala yang berjaya mendapat pekerjaan pula, 33% daripada mereka memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012c).

Statistik yang diperoleh dari Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan bahawa, ramai pelajar yang hanya cemerlang di peringkat sekolah dan universiti, tetapi masih tidak berjaya menembusi pasaran

kerja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Ia merupakan pembaziran modal insan berkualiti yang seharusnya berpotensi kepada pembangunan sesebuah negara. Ekoran masalah tersebut, kerajaan telah merangka transformasi pendidikan vokasional melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran dengan memperkenalkan pendidikan asas vokasional (PAV) di peringkat menengah rendah dan pengstruktur semula sistem pendidikan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV) di peringkat menengah atas.

Usaha-usaha yang diatur oleh pihak kerajaan dengan menyediakan kelengkapan untuk tujuan pendidikan teknikal dan vokasional kurang mendapat sambutan oleh pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) untuk melanjutkan pengajian ke Kolej Vokasional dan secara tidak langsung dilihat berada pada tahap yang rendah. Kenyataan ini disokong berdasarkan analisa statistik yang telah dibuat oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional yang menunjukkan jumlah peratusan permohonan kemasukan ke Kolej Vokasional bagi tahun 2013 sebanyak 25.3% sahaja iaitu 117,000 permohonan yang diterima daripada 462,940 orang calon yang menduduki PMR pada tahun 2013 seluruh negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Di samping itu, mereka juga kurang berminat untuk menjalankan kerja-kerja kemahiran teknikal serta hasil kerja yang kurang berkualiti.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti permasalahan sebenar yang berlaku seterusnya mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya. Faktor-faktor yang dilihat dalam kajian ini adalah faktor motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik di mana motivasi intrinsik merangkumi faktor-faktor seperti faktor sikap, kemahiran, minat, kecergasan dan keseronokkan. Motivasi ekstrinsik pula merangkumi faktor-faktor seperti faktor popular, mobiliti sosial, kepujian, dorongan dan faktor ganjaran (Mohad Anizu, 2009).

## **2. Metodologi**

Untuk melaksanakan kajian ini, penyelidik menggunakan rekabentuk kajian jenis kajian kes melalui pendekatan secara kuantitatif yang disokong data kualitatif. Kajian ini melibatkan analisis statistik secara deskriptif dan inferensi. Rekabentuk kajian ini dipilih bertujuan mengukur dan mengenalpasti tahap motivasi terhadap pelajar kolej vokasional kluang dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal. Pembolehubah bebas adalah motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Elemen-elemen yang diwakili oleh motivasi intrinsik merangkumi faktor-faktor seperti keperluan, minat, ingin tahu, dan keseronokan. Motivasi ekstrinsik pula merangkumi faktor-faktor seperti faktor ganjaran, tekanan sosial dan hukuman (Woolfolk, 2008). Pembolehubah bersandar pula adalah penglibatan pelajar dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal. Kajian kes dipilih bagi kajian ini untuk menjawab dan menghuraikan fenomena yang menjadi kes.

### 2.1 Populasi dan persampelan

Dalam kajian ini populasi dan persampelan kajian adalah pelajar Kolej Vokasional Kluang yang mengikuti kursus teknikal dari jurusan teknologi elektrik, teknologi elektronik, teknologi kimpalan, teknologi automotif, teknologi pembinaan, pemesinan industri dan teknologi penyejukbekuan dan penyaman udara. Peringkat pengajian sasaran adalah pelajar tahun 1 semester 2 iaitu peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1. Responden yang terlibat adalah seramai 148 orang pelajar sebagai sampel kajian daripada populasi seramai 161 orang.

### 2.2 Instrumen

Dalam kajian yang dijalankan, penyelidik menggunakan instrumen kajian berupa set borang soal selidik untuk mengukur tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar kolej vokasional Kluang dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal. Set borang soal selidik ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian A merupakan demografi pelajar, Bahagian B merupakan soal selidik berkaitan dengan motivasi intrinsik, manakala bahagian C merupakan soal selidik berkaitan dengan motivasi ekstrinsik sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Bilangan item bagi bahagian-bahagian dalam soal selidik

Bahagian	Item	Bilangan item
A) Demografi	Jantina	1
	Kursus Pengajian	1
B) Motivasi Intrinsik	Keperluan	5
	Minat	5
	Ingin tahu	5
	Keseronokan	5
	Ganjaran	5
C) Motivasi Ekstrinsik	Tekanan sosial	5
	Hukuman	5
	Jumlah	37

Bagi bahagian A iaitu demografi, responden perlu menandakan (√) pada setiap maklum balas yang dipilih. Untuk Bahagian B dan C, responden akan memberi jawapan berdasarkan Skala *Likert* yang telah diubahsuai agar bersesuaian dengan maklumat yang diperoleh.

Jadual 2. Analisis keputusan Alpha Cronbach bagi sampel kajian rintis

Faktor	Alpha Cronbach	Bilangan Item
Intrinsik	0.763	20
Ekstrinsik	0.785	15
Jumlah		35

### 2.3 Analisis Data

Analisis data adalah satu perkara penting yang menyumbang kepada keberhasilan sesuatu kajian itu. Data dan maklumat yang diperolehi akan melalui analisis statistik secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian komputer “SPSS 21.0 for windows” (Statistical Packages For Social Sciences). Prosedur statistik secara deskriptif diperlukan bagi membentuk profil jumlah sampel di mana taburan kekerapan dipamerkan oleh setiap nilai skor.

Jadual 3. Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.50	Sangat Rendah
1.51 – 2.49	Rendah
2.50 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.49	Tinggi
4.50 – 5.00	Sangat Tinggi

Dalam kajian ini, analisis adalah dalam bentuk skor min, frekuensi dan peratusan. Kategori data dibahagikan kepada lima tahap iaitu: sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi seperti di Jadual 3.

Analisis statistik yang digunakan adalah secara deskriptif bagi menjawab persoalan kajian 1 dan persoalan kajian 2 untuk melihat skor min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian 3, 4, 5 dan 6 data dianalisis secara inferensi untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik mengikut jantina dan kursus pengajian atau sebaliknya.

### 3. Dapatan

Analisis yang dilakukan dalam Bahagian A pada borang soal selidik kajian ini memberi gambaran secara menyeluruh berkaitan dengan latar belakang responden yang terlibat dengan kajian penyelidikan. Majoriti responden iaitu 105 orang (10.9%) adalah lelaki dan selebihnya 43 orang adalah perempuan. Responden mengikuti 7 kursus pengajian yang berbeza dengan majoriti responden mengikuti kursus Teknologi Pembinaan (27 orang) dan Teknologi Elektrik (26 orang). Jadual 4 menunjukkan profil responden berkenaan dengan lebih terperinci.

Jadual 4. Profil Responden

Demografi	Bilangan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	105	70.9
Perempuan	43	29.1
Kursus Pengajian		

Teknologi Elektrik	26	17.6
Teknologi Elektronik	24	16.2
Teknologi Kimpalan	14	9.5
Teknologi Automotif	20	13.5
Teknologi Pembinaan	27	18.2
Pemesinan Industri	18	12.2
Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara	19	12.8
Jumlah	148	100%

Jadual 5. Taburan Item Motivasi Intrinsik Mengikut Elemen

Elemen Intrinsik	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Keperluan	B7 B10 B11 B15 B19	4.41	0.34	Tinggi
Minat	B1 B2 B5 B9 B17	4.24	0.45	Tinggi
Ingin tahu	B4 B6 B13 B14 B18	4.27	0.42	Tinggi
Keseronokan	B3 B8 B12 B16 B20	4.20	0.38	Tinggi
Jumlah	20	4.28	0.31	Tinggi

Jadual 6. Taburan item motivasi ekstrinsik mengikut elemen

Elemen Ekstrinsik	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ganjaran	C7 C10 C11 C13 C14	2.56	0.46	Sederhana
Tekanan Sosial	C2 C6 C8 C9 C12	2.74	0.56	Sederhana
Hukuman	C1 C3 C4 C5 C15	3.39	0.32	Sederhana
Jumlah	15	2.90	0.38	Sederhana

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Keputusan analisis deskriptif digunakan untuk melihat skor min dan sisihan piawai bagi setiap kategori motivasi, skor min bagi motivasi intrinsik menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, secara keseluruhan pelajar yang mengikut pengajian kolej vokasional adalah berlandaskan keinginan sendiri di mana mereka sememangnya berminat dengan bidang teknikal dan mempunyai kesedaran sendiri terhadap kepentingan menceburkan diri dalam bidang teknikal. Mereka juga mempunyai sikap ingin tahu yang tinggi dalam diri.

Secara teorinya, seseorang yang mempunyai minat atau keinginan secara dalaman terhadap sesuatu perkara akan menghasilkan keputusan yang lebih berkualiti. Kenyataan ini disokong oleh Barron (2001) yang berpendapat bahawa sebarang tujuan adalah bergantung kepada

pencapaian orientasi di mana individu yang mempunyai motivasi dalaman yang tinggi menghasilkan kesan penguasaan jangka panjang berbanding individu yang kurang bermotivasi.

Motivasi ekstrinsik pula menunjukkan secara keseluruhannya pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa motivasi ekstrinsik kurang memberi kesan kepada pelajar dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal. Walau bagaimanapun, motivasi ekstrinsik tetap menyumbang kepada kecenderungan pelajar dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal di Kolej Vokasional Kluang.

Selain itu, keputusan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dalam melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal mengikut jantina dan kursus pengajian. Walaupun berbeza jantina, pelajar Kolej Vokasional Kluang mempunyai tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang sama. Faktor jantina tidak mempengaruhi minat, keinginan, kemahuan dan hasrat seseorang untuk memilih dan menceburi sesuatu bidang untuk penyempurnaan sendiri. Kenyataan ini disokong oleh Blythe (2008), yang menjelaskan bahawa orang yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi dikonsepsikan sebagai orang yang menyukai atau menghargai dirinya dengan melihat dirinya berkebolehan dalam hubungan dengan dunia luar. Sebagai kesimpulan, motivasi intrinsik lebih berpengaruh berbanding motivasi ekstrinsik kerana pelajar lebih didorong oleh faktor dalaman berbanding faktor luaran sebagai penggerak untuk melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal.

## **5. Kesimpulan**

Keputusan kajian menunjukkan bahawa motivasi intrinsik pelajar Kolej Vokasional Kluang berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bermakna secara keseluruhan pelajar Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 Semester 2 sememangnya mengikuti pengajian di Kolej Vokasional Kluang berdasarkan minat dan keinginan sendiri. Pelajar di kolej ini juga sememangnya mempunyai kesedaran sendiri tentang kepentingan ilmu kemahiran teknikal untuk dipelajari dan dikuasai bagi persediaan sebelum alam pekerjaan nanti. Selain itu, mereka juga sememangnya berminat melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal dan mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi dalam diri. Mereka juga berasa seronok dan teruja setiap kali melaksanakan kerja-kerja kemahiran teknikal berbanding pembelajaran secara teori.

Kerajaan juga telah mengambil keputusan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan berdasarkan standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat, peningkatan aspirasi negara, dan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap dasar pendidikan negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21. Justeru, tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia menambah baik program pendidikan vokasional menengah atas sedia ada dengan pengstrukturkan

semula Sekolah Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional merupakan tindakan yang tepat.

## **Rujukan**

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV, 2012). Pengenalan Transformasi PTV. Dicapai pada Mei 20, 2014, dari <http://www.bptv.edu.my/v3/index.php/transformasi-pendidikan-vokasional>.

Barron (2001). *Achievement Goal and Optimal Motivation: Testing Multiple Goal Models*. NewYork.

Blythe, J. (2008). *Consumer Behaviour*. Thomson Learning, London, p. 42.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2013, Mei). Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia, Mac 2013. Dicapai pada Mei 25, 2014, dari <http://www.statistics.gov.my>

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012, Strategi Perlaksanaan, p.20.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012b). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dicapai pada April 12, 2014, dari ms. 156-157 di <http://www.moe.gov.my>.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012c). Rancangan Malaysia ke Sepuluh: Membangun dan Membekalkan Modal Insan bertaraf Dunia. Dicapai pada Mei 20, 2013, dari ms. 220, di <http://www.moe.gov.my>.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2013). Punca Graduan Sukar Dapat Kerja. Dicapai pada Mei 20, 2014, dari <http://blog.mohe.gov.my/2012/11/punca-graduan-sukar-dapat-kerja.html>.

Mat Yazid, R., (2010). Penerapan Kemahiran ePersonal Qualities of Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kejuruteraan Melalui Aktiviti Pembelajaran. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Mohad Anuzi (2009), Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar-Satu Kajian Kes, Universiti Teknologi Malaysia.

Othman, M. Z., Hamzah, R., Norihan, I. S., Aripin, M. A. (2011). Dua Teras, Satu Destinasi: Pelan Reformasi Strategik PTV Ke Arah Pembangunan Sejagat. *Jurnal Teknologi*, 56, 101-11.



RMK-10 (2010). *Bab 5: Membangun dan Membekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia*.

Woolfolk (2008). *Educational Psychology*, Tenth Edition, Module 27, Motivation: "A definition and four general approaches". Intrinsic and Extrinsic Motivation, 405-410, 2008.

Yahaya, A. & Ismail, N. (2011). Faktor-Faktor Pemilihan Kursus dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2, 93-106.